

PERATURAN-PERATURAN KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG 2016

1. Undang-undang Pertandingan

Undang-undang KOM (2016/2017) akan dikuatkuasakan bagi kejohanan ini kecuali bagi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Peraturan Am MSSPP, Jawatankuasa Teknik Olahraga MSSPP dan keputusan Jawatankuasa tersebut adalah muktamad.

2. Acara-acara serta Ukuran dan Timbangan alat-alat pertandingan

KOD	ACARA	L18TKB	L15TKB	L12TKB	P18TKB	P15TKB	P12TKB
01	100 m	X	X	X	X	X	X
02	200 m	X	X	X	X	X	X
03	400 m	X	X	-	X	X	-
04	800 m	X	X	-	X	X	-
05	1500 m	X	X	-	X	X	-
06	3000m (T)*	-	-	-	X	-	-
07	5000 m (T)*	X	-	-	-	-	-
09	80 m L. Berpagar	-	-	X (0.762m)	-	-	X (0.762m)
10	100m L. Berpagar	-	-	-	X (0.840m)	X (0.762m)	-
11	110 m L. Berpagar	X (0.992m)	X (0.914m)	-	-	-	-
12	200 m L. Berpagar (5 pagar)	-	X (0.840m)	-	-	X (0.762m)	-
13	400 m L. Berpagar	X (0.914m)	-	-	X (0.762m)	-	-
14	3000m L. Berhalangan	X (0.914m)	-	-	-	-	-
15	2000m L. Berhalangan	-	X (0.914m)	-	x(T) (0.762m)	-	-
16	5000m Berjalan Kaki	-	X	-	X	-	-
18	3000m Berjalan Kaki	-	-	-	-	X	-
19	10000m Berjalan Kaki	X	-	-	-	-	-
21	L. Tinggi	X	X	X	X	X	X
22	L. Jauh	X	X	X	X	X	X
23	L. Kijang	X 11/13m **	X 11/13m **	-	X 7/9/11**	X 7/9/11**	-
24	L. Bergalah (T)*	X	-	-	x	-	-
25	M. Peluru	X 5.00kg	X 4.00kg	X 2.72kg	x 4.00kg	x 3.00kg	x 2.72kg
26	M. Cakera	X 1.50kg	X 1.00kg	-	X 1.00kg	X 1.00kg	-
27	M. Lembing	X 700g	X 600g	-	X 600g	X 600g	-
41	4 x 100 m	X	X	X	X	X	X
42	4 x 200 m	-	-	X	-	-	X
44	4 x 400 m	X	X	-	X	X	-
45	Heptathlon (T)*	-	-	-	X	-	-
46	Octathlon (T)*	X	-	-	-	-	-
47	Baling Tukul Besi (T)	X (5.00 kg)	-	-	X (4.00kg)	-	-

CATATAN

** = Jarak dari papan lonjak hingga permulaan tempat mendarat.

Heptathlon = 100m L. Berpagar, L. Tinggi, M. Peluru, 200m, M. Lembing, Lompat Jauh, 800m

Octathlon = 100m, L. Jauh, M. Peluru, 400m, 110m L. Berpagar, L. Tinggi, M. Lembing, 1500m.

T* = Acara terbuka (2 peserta dari mana-mana kelas sekolah menengah sahaja)

3. Kelas

Tiap-tiap peserta hanya boleh bertanding dalam kelas umur mereka sendiri sahaja kecuali untuk acara-acara terbuka. Peserta mestilah dari pelajar sekolah rendah untuk Kelas 3.

Pelajar yang umur melebihi 18 tahun (Lahir 1998 dan sebelumnya) tidak dibenarkan mengambil bahagian. Pelajar yang umur melebihi 18 tahun dan pelajar bukan warganegara Malaysia tidak boleh dipilih menyertai Kejohanan di peringkat MSSM walaupun layak, mengikut **Peraturan Am MSSM 3.1.1.4**

4. Syarat-syarat Penyertaan

Atlet-atlet dipilih oleh zon masing-masing
Bilangan Acara Maksima yang dibenarkan :-

- 4.1.1 Bilangan maksima penyertaan seseorang peserta termasuk Acara Terbuka:-
Sekolah Menengah - 3 acara perseorangan dan 2 acara berpasukan
Sekolah Rendah - 2 acara perseorangan dan 2 acara berpasukan

- 4.1.2 Setiap zon hanya boleh menghantar 2 peserta untuk setiap acara perseorangan dan 1 pasukan sahaja untuk setiap acara berpasukan.

5. Acara-Acara Terbuka

Lelaki: 5000 m
Octathlon
Lombol Bergalah
Perempuan: 3000 m
Heptathlon
Lombol Bergalah
2000m Lari Berhalangan

6. Hadiah

Bilangan hadiah yang akan diberikan adalah berpandukan PERATURAN MSSPP No. 34 seperti berikut:

- 3 atau 4 pasukan/peserta : Johan & Naib Johan sahaja
5 atau lebih pasukan/peserta : Johan, Naib Johan & Ketiga
10 atau lebih peserta
(untuk acara-acara 2000m dan ke atas termasuk heptathlon dan pentathlon) : Pertama hingga keenam

7. Cabutan Saringan/Lorong/Giliran

Jawatankuasa Pengelola akan bertanggungjawab terhadap semua cabutan saringan dan lorong bagi acara-acara balapan dan giliran melompat/melontar/membaling bagi acara-acara padang.

8. Perubahan Waktu

Biasanya semua acara akan dijalankan tepat pada waktu yang dijadualkan dalam buku aturcara tetapi Wakil Teknikal/Pengurus Kejohanan berhak mengubah susunan acara jika perlu.

9. Kegagalan Mengambil Bahagian

- 9.1 Jika didapati seseorang peserta setelah disahkan semasa Taklimat Pengurus-Pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan namanya.
- 9.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal, tanpa surat pengesahan sakit, cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftar atas namanya.
- 9.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan Kejohanan, hanya boleh mengambil seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kejohanan kepada Pengurus Kejohanan.

10. Bantahan

Peraturan-peraturan berkenaan dengan bantahan seperti yang dijelaskan di dalam Peraturan 146 KOM akan diikuti, termasuk syarat-syarat berikut:

- 10.1 Jika terdapat masalah bantahan berkenaan kelayakan (status) seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan dimulakan, peserta itu boleh bertanding di bawah bantahan (under protest) dan perkara ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengelola Kejohanan MSSPP untuk diselesaikan.
- 10.2 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM300.00. Sekiranya bantahan tidak berjaya wang pertaruhan tersebut tidak akan dikembalikan.

11. Pengesahan Kemasukan/Penyertaan

11.1. Semua penyertaan perlu disahkan pada **Mesyuarat Pengurus Pasukan**.

11.2. Semua penarikan diri daripada bertanding (scratching) hendaklah dilakukan semasa Mesyuarat Pengurus tersebut.

11.3. Penggantian bagi peserta yang menarik diri daripada pertandingan akan dibuat dalam mesyuarat tersebut dengan syarat bahawa pengganti untuk acara yang sama dan menggunakan nombor peserta yang sama
Peserta yang telah menarik diri tidak boleh mengambil bahagian dalam sebarang acara lagi dalam Kejohanan ini.

11.4. Sila menggunakan Borang Pengesahan untuk tujuan para 11.2-11-3.

12. Persediaan Peserta

Semua peserta dikehendaki bersedia untuk acara mereka masing-masing dan melaporkan diri kepada Hakim Bilik Panggilan 30 minit (acara balapan) dan 40 minit (acara padang) sebelum waktu acara mereka dijalankan, seperti yang ternyata di dalam aturcara. Pengumuman tidak akan dibuat untuk memanggil peserta-peserta melaporkan diri bagi acara-acara mereka. Nombor acara untuk melaporkan diri akan dipaparkan di papan kenyataan di Bilik Panggilan/Laman *Web*. oleh Hakim Bilik Panggilan. Adalah menjadi tanggungjawab Pengurus Pasukan untuk memastikan atlit-atlit mereka melaporkan diri untuk acara mereka pada masa yang ditetapkan.

13. Melaporkan Diri - Tempat Pertandingan

Semua peserta yang telah melaporkan diri kepada Hakim Bilik Panggilan akan dibawa ke tempat pertandingan 15 minit sebelum acara mereka bermula. Peserta-peserta dikehendaki berjalan dalam satu barisan secara teratur semasa pergi dan balik dari tempat pertandingan.

13.1 Peserta yang lewat melaporkan diri tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam acara yang berkenaan.

13.2 Peserta tidak dibenarkan melapor diri terus ke tempat pertandingan tanpa arahan Hakim Bilik Panggilan.

13.3 Peserta yang mengambil bahagian dalam 2 acara (acara padang & balapan) pada masa yang sama Pengurus Pasukan/ peserta hendaklah memaklumkan kepada Hakim Bilik Panggilan.

14. Prosedur Masuk Dan Keluar Arena Pertandingan

14.1 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar arena oleh Pembantu Padang.

14.2 Bagi acara balapan: Selepas tamat sesuatu perlumbaan, peserta-peserta hendaklah berada di lorong mereka masing-masing dan menunjukkan nombor mereka kepada para hakim lalu balik ke tempat peserta dengan serta-merta tanpa masuk ke dalam padang lagi.

15. Memanaskan Badan

15.1 Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditetapkan.

16. Penyampaian Hadiah

Semua pemenang hadiah hendaklah melaporkan diri dengan berpakaian sesuai kepada Pengawas Hadiah sebahaja keputusan rasmi diumumkan. Jika ada sebarang bantahan, upacara penyampaian hadiah akan ditangguhkan sehingga bantahan tersebut dapat diselesaikan.

17. Huruf dan Nombor Peserta

17.1 Warna dan nombor berikut akan digunakan untuk kelas, jantina dan zon / sekolah sukan masing-masing:-

17.2 **Sekolah Menengah :-**

Bil.	Zon / Sekolah Sukan Negeri	Huruf	18 TKB (Warna Hitam)		15 TKB (Warna Merah)	
			Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
1	Zon Air Itam	A	A 001 – A040	A 041 – A 080	A 001 – A 035	A 036 – A 070
2	Zon Balik Pulau	B	B 081 – B 120	B 121 –B 160	B 071 – B 105	B 106 –B 140
3	Zon Jelutong	J	J 161 – J 200	J 201 – J 240	J 141 – J 175	J 176 – J 210
4	Zon Kelawai	K	K 241 – K 280	K 281 – K 320	K 211 – K 245	K 246 – K 280
5	Zon Bukit Mertajam	M	M 321 – M 360	M 361 – M 400	M 281 – M 315	M 316 – M 350
6	Zon Butterworth	U	U 401 – U 440	U 441 – U 480	U 351 – U 385	U 386 – U 420
7	Zon Kepala Batas	E	E 481 – E 520	E 521 – E 560	E 421 – E 455	E 456 – E 490
8	Zon Nibong Tebal	N	N 561 – N 600	N 601 – N 640	N 491 – N 525	N 526 – N 560
9	SSN Mutiara Impian	S	S 641 – S 680	S 681 – S 720	S 561 – S 595	S 596 – S 630
10	Zon Permatang Pauh	P	P721 - P 760	P 761 – P 800	P 631 – P 665	P 666 – P 700

17.3 Sekolah Rendah :-

Bil.	Zon	Huruf	12 TKB (Warna Biru)	
			Lelaki	Perempuan
1	Zon Air Itam	A	A 001 – A 020	A 021 – A 040
2	Zon Balik Pulau	B	B 041 – B 060	B 061 – B 100
3	Zon Jelutong	J	J 101 – J 120	J 121 – J 140
4	Zon Kelawai	K	K 141 – K 160	K 161 – K 180
5	Zon Bukit Mertajam	M	M 181 – M 200	M 201 – M 220
6	Zon Butterworth	U	U 221 – U 240	U 241 – U 280
7	Zon Kepala Batas	E	E 281 – E 320	E 321 – E 340
8	Zon Nibong Tebal	N	N 341 – N 360	N 361 – N 380
9	Zon Permatang Pauh	P	P 381 – P 400	P 401 – P 420

17.4 Zon dikehendaki menyediakan nombor yang bercetak atas kain putih/"cavass". Peserta yang

Menggunakan nombor tulisan tangan atau menggunakan kertas /plastic tidak akan dibenarkan untuk mengambil bahagian. Zon juga perlu menyediakan pin secukupnya (4 pin bagi satu nombor).

18. Lari Berganti-ganti

- 18.1 Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan tidak lebih dari 6 peserta untuk acara lari berganti-ganti.
- 18.2 Peserta-peserta yang hanya mengambil bahagian di dalam acara-acara Lari Berganti-ganti sahaja termasuk peserta simpanan hendaklah juga diberikan nombor peserta.
- 18.3 Semua peserta acara ini dikehendaki memakai nombor peserta semasa mereka mengambil bahagian. Nombor-nombor haruslah disematkan dengan kemas.

19. Alat-Alat Pertandingan

- 19.1 Boleh menggunakan alatan sendiri – acara Lombol Bergalah sahaja (Mengikut Peraturan KOM berkenaan hal ini)
- 19.2 Semua peserta Kelas 1 dan 2 wajib menggunakan blok permulaan yang disediakan bagi semua acara 100m hingga 400m termasuk lari berpagar dan acara Lari Berganti-ganti.

20 Undang-undang Khas bagi Acara-Acara Jarak Jauh dan Berjalan Kaki

Acara-acara ini akan dihentikan sebaik sahaja bilangan pemenang yang dikehendaki untuk memenangi hadiah diperolehi / dapat ditentukan dan masa yang diperuntukkan (seperti berikut) telah pun tamat.

Acara	Kelas	Jantina	Masa
3000 meter	Terbuka	P	13m 30s
5000 meter	Terbuka	L	20m 00s
2000m Lari Berhalangan	2	L	9m 00s
2000m Lari Berhalangan	1	P	11m 00s.
2000m Lari Berhalangan	2	P	11m.45s
3000m Lari Berhalangan	1	L	12m 30s
3000m Berjalan Kaki	2	P	22m 00s
5000m Berjalan Kaki	1	P	40m 00s
5000m Berjalan Kaki	2	L	35m 00s
10000 m Berjalan Kaki	1	L	1 jam 05m

21 Undang-undang Khas bagi Acara-Acara Padang

21.1 Ukuran Permulaan:-

Lompat Tinggi	Lelaki	Perempuan
Kelas 1	1.55 m	1.25 m
Kelas 2	1.45 m	1.20 m
Kelas 3	1.10 m	1.05 m
Lompat Bergalah	2.40 m	1.50 m

(Pastikan peserta yang menyertai acara lombol bergalah dapat melepasi ketinggian permulaan untuk mengelakkan sebarang kecederaan. Jika lompatan para peserta merbahayakan mengikut budi bicara pegawai yang bertugas maka acara ini akan dihentikan dengan serta merta.)

21.2 Bagi acara-acara Padang yang lain ukuran permulaan berikut dicadangkan :-

L E L A K I

Acara-acara	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3
L. Jauh	5.50 m	5.00 m	3.60 m
M. Peluru	9.50 m	9.20 m	8.00 m
L. Kijang	11.00 m	10.00 m	
M. Cakera	26.00 m	25.00 m	
M. Lembing	30.00 m	29.00 m	

P E R E M P U A N

Acara-acara	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3
L. Jauh	4.00 m	3.70 m	3.25 m
M. Peluru	7.00 m	6.70 m	6.30 m
L. Kijang	8.50 m	7.50 m	
M. Cakera	18.00 m	17.50 m	
M. Lembing	19.00 m	18.00 m	

- 22.2.1 Jarak-jarak yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknik Olahraga akan ditandakan di kawasan lompatan/lontaran dan hanya lompatan/lontaran yang melebihi jarak-jarak ini akan diukur.
- 22.2.2 Akan tetapi, jika penyertaan tidak banyak, semua lompatan / lontaran akan diukur. Mengikut budi bicara referi berkenaan.
- 22.2.3 Selepas 3 lompatan/lontaran, 8 orang peserta terbaik akan layak untuk melompat/melontar 3 lompatan/lontaran lagi.

23. Lari Berpagar

Kelas	Jantina	Jarak	Bil.Pagar	Tinggi Pagar	Pagar 1	Pagar ke Pagar	Akhir
1	L	400m	10	0.914m	45.00 m	35.0 m	40.00m
1	P	400m	10	0.762m	45.00 m	35.0 m	40.00m
2	L	200m	5	0.840m	20.00 m	35.0 m	40.00m
2	P	200m	5	0.762m	20.00 m	35.0 m	40.00m
1	L	110m	10	0.991m	13.72 m	9.14 m	14.02m
2	L	110m	10	0.914m	13.72 m	9.14 m	14.02m
1	P	100m	10	0.840m	13.00 m	8.50 m	10.5 m
2	P	100m	10	0.840m	13.00 m	8.50 m	10.5 m
3	L	80m	8	0.762m	12.00 m	8.00 m	12.00m
3	P	80m	8	0.762m	12.00 m	8.00 m	12.00m

24 Lari Berhalangan

24.1 2000m Lari Berhalangan untuk Lelaki Kelas 2

Pemulaan ke Pagar 1	Bilangan Lompatan Pagar	Bilangan Lompatan Air	Tinggi Pagar	Pagar ke Pagar	Akhir
213.22 m	18	5	0.914 m	78.64 m	69.50 m

24.2 2000m Lari Berhalangan untuk Perempuan Kelas 1 Dan 2

Pemulaan ke Pagar 1	Bilangan Lompatan Pagar	Bilangan Lompatan Air	Tinggi Pagar	Pagar ke Pagar	Akhir
213.22 m	18	5	0.762 m	78.64 m	69.50 m

24.3 3000m Lari Berhalangan untuk Lelaki Kelas 1

Pemulaan ke Pagar 1	Bilangan Lompatan Pagar	Bilangan Lompatan Air	Tinggi Pagar	Pagar ke Pagar	Akhir
228.00 m	28	7	0.914 m	78.64 m	69.50 m

25 Saringan Dan Separuh Akhir

- 25.1 3 saringan - 2 peserta terbaik setiap saringan dan 2 lagi peserta lain yang mencatat masa terbaik dari ketiga-tiga saringan layak memasuki peringkat akhir.
- 25.2 2 saringan - 3 peserta terbaik setiap saringan dan 2 lagi peserta lain yang mencatat masa terbaik dari kedua-dua saringan layak memasuki peringkat akhir.
- 25.3 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatat masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan di 25.1 dan 25.2 maka cabutan undi akan dilakukan (tidak termasuk peserta-peserta yang jelas layak) di hadapan Pengurus-Pengurus yang berkenaan untuk menentukan peserta yang layak ke pusingan yang seterusnya.

26. Disiplin

Referi Kejohanan berhak dan mempunyai kuasa melucutkan penyertaan peserta-peserta yang melanggar tata tertib atau berkelakuan biadap. Referi akan membuat keputusan serta-merta terhadap sesuatu aduan, bantahan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan tingkahlaku peserta itu.

- 27 Selain daripada pegawai-pegawai yang bertugas dan peserta-peserta yang bertanding pada sesuatu masa, tiada sesiapa pun dibenarkan masuk ke dalam arena pertandingan.
- 28 Para pemenang dikehendaki memakai pakaian yang sesuai, tidak berselipar, mengucapkan terima kasih kepada penyampai hadiah, tidak bersubang, tidak menanggalkan hadiah yang dikalungkan dihadapan penyampai hadiah dan tidak berkelakuan tidak senonoh.

29 Hal-hal lain

- 29.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Orang yang tidak berkenaan DILARANG masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 29.2 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas, dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, TIADA SESIAPA PUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.
- 29.3 Tempat-tempat Larangan

Berikut adalah tempat-tempat larangan untuk Peserta, Pengurus/Pegawai Pasukan dan Orang Awam.

Orang Berkenaan	Tempat	Kecuali
Peserta-peserta	Kawasan Pegawai Grandstand	untuk menerima hadiah.
Pengurus/Pegawai Pasukan	Kawasan Pegawai Grandstand Arena Pertandingan Urusetia	untuk membuat bantahan atau keterangan acara. untuk membuat bantahan untuk menyelesaikan (jika ada) masalah.
Orang Awam	Kawasan Pegawai Arena Pertandingan Urusetia	

- 29.4 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan alat, kereta atau barang-barang lain kepunyaan seseorang peserta atau pegawai di dalam atau di luar Stadium/tempat pertandingan serta di atas apa jua kecederaan atau kemalangan pada sebelum, semasa an selepas pertandingan dijalankan, sungguhpun demikian, beberapa persediaan akan diadakan untuk mengelakkan kejadian- kejadian tersebut di atas.
- 29.5 Pihak zon/sekolah dinasihatkan untuk mendapatkan kebenaran ibu bapa/waris para peserta untuk penyertaan mereka dalam kejohanan ini.

30 Anugerah Atlet Pencapaian Terbaik

- 30.1 Hadiah-hadiah peserta terbaik akan diberi kepada peserta berdasarkan pemecah rekod baru berstatus (ikut ranking kejohanan) KOM, Rekod Remaja Kebangsaan (KOM), Kejohanan MSS Asean, MSSM dan jumlah rekod yang diperbaharui dengan mengambilkira bilangan pingat emas, perak dan gangsa. Sekiranya kedudukan sama usia rekod diambil kira.
- 30.2 Sekiranya tiada rekod yang diatasi / dicatat, jumlah pungutan pingat emas atau perak atau gangsa dalam acara individu akan diambil kira.
- 30.3 Sekiranya pungutan pingat emas masih sama, pungutan pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu akan diambil kira.
- 30.4 Sekiranya kedudukan masih sama jugs, maka keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata IAAF bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta
- 30.5 Olahragawan dan olahragawafi di beri kepada peserta terbaik keseluruhan (lelaki dan perempuan).

31 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Peraturanan KOM/IAAF dan Peraturanan Kejohanan Olahraga MSSPP 2016.